



# BULLETIN PPG



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

eISSN 3083-9238



**Editor:**

Prof. Dr. Norhayati Ahmad  
Wan Daraputri Razali  
Nazren Leman

**JANUARI 2025  
ISU NO. 01**

**PUSAT PENYELIDIKAN  
GEOTAMAN**

**Sains Kelestarian untuk  
Pembangunan Geopark**

**PEMBANGUNAN  
UNESCO GLOBAL  
GEOPARK**

**Perjalanan  
perkembangan  
pembangunan  
UGGp Malaysia**

**SAINS KELESTARIAN  
UNTUK  
PEMBANGUNAN  
GEOPARK**

**Apa itu 'Geopark' dan  
matlamat pembangunan  
lestari wilayah**

**AKTIVITI PPG**

**Perjalanan  
perkembangan  
pembangunan geopark  
global dan Malaysia**





# KATA-KATA ALUAN

Sebagai Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan LESTARI di Universiti Kebangsaan Malaysia, saya berbesar hati untuk mengisi ruang ini bagi buletin pertama Pusat Penyelidikan Geotaman bagi tahun 2024. Buletin ini menandakan satu jejak kunci penting bukan sahaja untuk institusi tetapi juga untuk komuniti cendekiawan, pengamal, pihak berkepentingan, dan masyarakat umum yang lebih luas memberi tumpuan kepada alam sekitar dan pembangunan lestari.

Tahun lalu telah meninggalkan impak penting yang dimainkan oleh PPG dalam memupuk pemuliharaan alam sekitar, terutamanya pemuliharaan warisan tabii dan budaya dan pembangunan komuniti melalui pelancongan ilmu atau geopelancongan. Tahun baharu ini diteruskan lagi untuk meneroka pendekatan inovatif bagi memaksimumkan potensi pembangunan lestari wilayah sambil menjaga warisan tabii dan budaya yang mentakrifkan landskap bumi Malaysia. Buletin ini memaparkan hasil usaha kerjasama penyelidik dan rakan kongsi yang berdedikasi untuk meningkatkan pemahaman tentang pembangunan geopark dan geopelancongan dan kesannya terhadap komuniti tempatan.

Misi kami di LESTARI adalah untuk memacu amalan lestari yang bukan sahaja memberi manfaat kepada ekonomi tetapi juga menggalakkan kesaksamaan sosial dan penjagaan alam sekitar. Dengan semangat ini, saya percaya PPG akan meneruskan perjuangan, penyelidikan, pendidikan dan perkhidmatan mengenai geopark dan pembangunan lestari dengan lebih cemerlang, selari dengan misi dan visi LESTARI.

Saya menggalakkan semua pembaca untuk mengenali PPG dengan lebih dekat kerana bersama-sama, kita boleh memastikan bahawa kekayaan alam semula jadi kita dipelihara untuk generasi akan datang sambil memanfaatkannya untuk kesejahteraan masyarakat sekarang.

Marilah kita bercita-cita untuk mencipta masa depan yang lestari di mana keindahan geopark negara kita terus memberi inspirasi untuk semua.

Selamat membaca!



Prof. ChM. Dr. Goh Choo Ta  
Pengarah  
Institut Alam Sekitar dan  
Pembangunan (LESTARI), UKM

# PRAKATA

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, Buletin Pusat Penyelidikan Geotaman (PPG) Bil. 1/2025 berjaya diterbitkan sebagai rujukan sekilas pandang mengenai PPG dan pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2024, terutamanya mengenai penyelidikan dan pembangunan geopark di Malaysia. Buletin ini merupakan suatu wadah penting bagi tujuan promosi dan pemakluman tentang perkembangan terkini PPG kepada warga UKM, rakan kongsi, jaringan kerjasama, dan masyarakat umum.

Edisi ini juga menonjolkan peranan PPG sebagai pusat penyelidikan yang dijenamakan semula, yang menyokong pembangunan lestari melalui penerokaan warisan tabii (geologi dan biologi) dan budaya dengan pendekatan saintifik yang menyeluruh. Kami percaya bahawa usaha berterusan dalam penyelidikan dan latihan dapat memperkukuh jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan di peringkat kebangsaan, serantau Asia Pasifik, dan antarabangsa, selaras dengan aspirasi negara untuk mempromosikan geopark sebagai model pembangunan lestari.

Penghargaan tertinggi dan terima kasih diucapkan kepada semua penyelidik, rakan kerjasama, dan komuniti yang terus menyokong visi dan misi PPG. Semoga penerbitan ini menjadi sumber inspirasi dalam memartabatkan sains kelestarian demi kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara.

Terima kasih.



Prof. Dr. Norhayati Ahmad  
Ketua  
Pusat Penyelidikan Geotaman (PPG)  
LESTARI UKM

# KANDUNGAN

Kata-Kata Aluan Pengarah LESTARI, UKM.....	02
Prakata Ketua Pusat Penyelidikan Geotaman.....	03
Pengenalan Pusat Penyelidikan Geotaman (PPG): Sains Kelestarian untuk Pembangunan Geopark .....	
Sejarah Penubuhan Pusat Penyelidikan Geotaman (PPG) .....	05
Felo Bersekutu PPG .....	06
Pembangunan UNESCO Global Geopark .....	07
Geopark Kebangsaan dan UNESCO Global Geopark di Malaysia .....	08
Aktiviti PPG 2024 .....	09
Pascasiswazah PPG .....	15
Pengiktirafan, Lantikan & Anugerah .....	17

# PENGENALAN

PUSAT PENYELIDIKAN GEOTAMAN (PPG)

SAINS KELESTARIAN UNTUK PEMBANGUNAN GEOPARK

## »»» PENUBUHAN PPG

Penubuhan Pusat Penyelidikan Geotaman (PPG) telah mendapat kelulusan Senat pada September 2023, menggantikan Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL) yang telah dibentuk sejak 1996. Perkembangan ini sejajar dengan momentum yang semakin meningkat untuk pembangunan geopark global yang dipacu oleh wawasan menggunakan sumber warisan geologi bernilai antarabangsa sebagai asas pembangunan lestari wilayah luar bandar atau terpinggir. PPG mengorak langkah baharu dengan menilai rangka kerja saintifik sedia ada untuk membangunkan pendekatan berinovasi yang merangkumi pelbagai disiplin dan transdisiplin bagi menyokong pertumbuhan geopark Malaysia dan global.

## WAWASAN & MISI

PPG mendukung wawasan dan misi ke arah menjadi pusat kecemerlangan dan rujukan di dalam pengajian, penyelidikan dan perkhidmatan pembangunan sains geopark dan sains kelestarian demi meningkatkan kesejahteraan masyarakat sejagat.

## »»» OBJEKTIF

1. Menjalankan penyelidikan berkaitan sumber warisan tabii (geologi dan biologi) dan budaya secara terintegrasi.
2. Membangun, memimpin dan menyelaras komunikasi dan komuniti geopark di peringkat kebangsaan, Asia Pasifik dan global, khususnya dalam mempelopori bidang ilmu geopark.
3. Melatih, membina keupayaan, dan menyediakan khidmat nasihat kepakaran dan teknikal berkaitan geopark kepada komuniti, pihak berkepentingan dan pembuat dasar.



Prof. Dr. Norhayati Ahmad  
Ketua



Prof. Em. Dato' Dr.  
Ibrahim Komoo



Prof. Dr.  
NISHIKAWA Kanto  
GIG Academic



PM Dr. Sharina  
Abd Halim - Felo



PM Dr. Tanot  
Unjah - Felo



Ts. Dr. Lim Chen  
Kim - Felo



Dr. Ahmad Aldrie  
Amir - Felo



Dr. Mir Sujaul  
Islam - Felo



Pn. Wan Daraputri Razali  
Pegawai Sains Kanan



En. Nazren Leman  
Pegawai Sains Kanan



En. Mohd Fuad Tepit  
Pembantu Pegawai Sains Kanan



# SEJARAH PENUBUHAN PUSAT PENYELIDIKAN GEOTAMAN (PPG)

Penubuhan Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI)

1994

Penyelidikan geowarisan di Langkawi oleh Penyelidik LESTARI

1996

MoU UKM & LADA



1996-1999: IRPA 02-02-02-006 Warisan Geologi untuk Pembangunan Pelancongan

Penubuhan Kumpulan Warisan Geologi Malaysia



2000 Projek Geopark Langkawi dimulakan

2001 UNESCO Global Geoparks Programme Feasibility Study

2002 Penubuhan Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL)

JK Pelaksana Geopark Kebangsaan-WGM diwujudkan untuk menjayakan agenda Geopark Kebangsaan

2004 Pembentukan Global Geoparks Network (GGN)

2013

Kabinet Malaysia meluluskan Program Geopark Kebangsaan dilaksanakan oleh JK Geopark Kebangsaan

Penubuhan Asia Pacific Geoparks Network (APGN)

PPL LESTARI sebagai Sekretariat

Semua ahli GGN diiktiraf oleh UNESCO & dinamakan UNESCO Global Geoparks (UGGp)

2015

Langkawi menjadi Global Geopark pertama di Asia Tenggara



Langkawi diiktiraf sebagai UNESCO Global Geoparks (UGGp)

Pembangunan Geopark Kebangsaan & UNESCO Global Geoparks (UGGp) sebagai Inovasi Sosial

Menjalankan penyelidikan translasi berkaitan warisan bumi & kelestarian masyarakat, serta penyediaan dossier, melaksanakan misi penasihat kepada Aspiring UGGp dan menjalankan penilaian terhadap geopark baharu.

2017

JK Pelaksana Geopark Kebangsaan-WGM diangkat menjadi badan teknikal kepada JK Geopark Kebangsaan

Kinabalu diterima sebagai UNESCO Global Geoparks (UGGp)



2023

Penubuhan Pusat Penyelidikan Geotaman (PPG)



Sains Kelestarian untuk Pembangunan Geopark



Gambaran rupa trilobit - ikon PPG



# Felo Bersekutu PPG



Sains Sosial



Biologi



Marin



Geologi

No.	Nama	Institusi	Bidang
1	Prof. Madya Dr. Lee Jen Nie	School of Marine and Environmental Science, Universiti Malaysia Terengganu	Warisan Biologi/Ekologi Karang
2	Prof. Madya Dr. Seah Ying Giat	Sch. Marine & Environmental Science, Universiti Malaysia Terengganu	Warisan Biologi/Ekologi Ikan Marin
3	Prof. Madya Dr. Nazre Salleh	Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, UPM	Warisan Botani/Ekologi Hutan
4	Dr. Muhammad Rasul b Abdullah Halim	Institute of Biological Science, Faculty of Science, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur	Warisan Biologi/Ekologi Ikan
5	Dr. Wan Juliana Wan Ahmad	Mantan pensyarah FST	Warisan/ Ekologi Bakau
6	Prof. Madya Dr. Ng Yong Foo	Fakulti Sains & Teknologi, UKM	Warisan Entomologi
7	Prof. Madya Dr. Azimah Hussin	Fakulti Sains & Teknologi, UKM	Warisan Geologi
8	Prof. Madya Dr. Habibah Jamil	Fakulti Sains & Teknologi, UKM	Warisan Geologi
9	Dr. Dana Badang	Jabatan Mineral & Geosains; Sarawak Delta Geopark	Warisan Geologi
10	Prof. Dato' Dr. Norzaini Azman	Fakulti Pendidikan, UKM	Pendidikan Geopark
11	Dr. Maklarin Lakim	Pengarah Taman-taman Sabah	Governans Geopark
12	Dr. Azmil Munif b Mohd Bukhari	Lembaga Pembangunan Langkawi	Pelancongan dan Governans Geopark
13	Dr. Lee Jing	Environmental Protection Society Malaysia	Undang-undang Air Antarabangsa
14	Dr. Naziatul Aziah Mohd Radzi	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM	Social Sciences - Economics (ESG, Ekonomi Kitaran, Ekonomi Pembangunan, Kesejahteraan Masyarakat).
15	Dr. Ong Puay Liu	Profesor Kehormat, KITA UKM	Antropologi Pembangunan; Kajian Etnik; Pembangunan Komuniti
16	Dr. Zanisah A/P Man	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM	Sains Sosial Antropologi (Epistemologi Orang Asli, Etnografi, Pengetahuan Tradisional, Kajian Masyarakat Terpinggir)
17	Prof. Madya Dr. Chan Kim Ling @ Geraldine	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM	Sosiologi Organisasi (Rangkaian Sosial dan Modal Sosial, Tadbir Urus, Keusahawanan)
18	Prof. Madya Dr. Azimin Samsul Bin Mohd Tazilan	Fakulti Alam Bina dan Kejuruteraan, UKM	Seni dan Seni Gunaan (Visual Kontemporari, MikroArkitektur/ Rekaan Seni Bina)
19	Datin Paduka Dr. Halimaton Saadiah Hashim	Reka Rancang Sdn Bhd; Malaysian Institute of Planner	Perancang Bandar dan Desa

# PEMBANGUNAN UNESCO GLOBAL GEOPARK

## APA ITU GEOPARK?

Geopark ialah wilayah istimewa, mengandungi warisan alami dan landskap unggul yang perlu diurus secara holistik dengan memberikan pertimbangan khusus kepada pemeliharaan warisan, pendidikan awam dan tindakan pembangunan lestari.

Maklumat lanjut di [www.ukm.my/ppgl](http://www.ukm.my/ppgl)



## Sejarah Geopark di Malaysia

Geopark sebagai alat pembangunan lestari wilayah. Idea geopark berputik di bumi Langkawi pada 1996, apabila UKM dan LADA menandatangani MoU untuk bekerjasama membangun sumber Warisan Geologi sebagai produk pelancongan berinovasi. Usaha membangun konsep dan persediaan awal menjadikan Langkawi sebagai geopark bermula pada tahun 2000, ketika Langkawi diminta membantu pihak UNESCO untuk menulis contoh geopark dalam kertas dasar Feasibility Study of UNESCO Global Geoparks Programme.

## Geopark Sebagai Alat Pembangunan Lestari Wilayah



Gagasan **pemuliharaan warisan terintegrasi** - Taman Georimba, geotapak, biotapak dan tapak warisan budaya.

**Pembangunan komuniti setempat** - pemanfaatan tapak warisan bagi menjana ekonomi & kesejahteraan masyarakat.



**Tadbir Urus berasaskan pengurusan bersama** - keputusan & tindakan secara bersama.

Geopark bukan sekadar menentukan pencapaian pembangunan lestari, tetapi **tindakan bersama ke arah kelestarian**.

## Matlamat Pembangunan Lestari Geopark



- Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2015 bagi negara dunia mengamal dan menilai pencapaian menjelang 2030.
- Matlamat ini menggariskan 17 isu utama yang perlu ditangani bagi mencapai hasrat pembangunan lestari.
- UNESCO Global Geoparks (UGGp) menyumbang 8 daripada 17 SDG iaitu SDG 1, 4, 5, 8, 11, 12, 13, dan 17 dengan falsafah dan wawasan geopark yang memberikan perhatian kepada usaha mencapai matlamat-matlamat ini.



# Geopark Kebangsaan dan UNESCO Global Geopark di Malaysia



▲ Muara Sungai Kilim, Langkawi UNESCO Global Geopark



▲ Gunung Kinabalu, Kinabalu UNESCO Global Geopark



▲ Wind Cave, Sarawak Delta aspiring UNESCO Global Geopark



▲ Dataran aluvium Sungai Perak, Lenggong Geopark, Perak



▲ Geotapak Jujukan Perm-Trias Gua Bama, Lipis Geopark, Pahang



▲ Tasik Kenyir, Kenyir Geopark, Terengganu



▲ Landskap kars tropika, Geopark Lembah Kinta, Perak




▲ Geotapak Enapan Lautan Dalam, Kg. Bebuloh Darat, Labuan Geopark




▲ Geotapak Permatang Kuarza Gombak, Gombak-Hulu Langat Geopark



▲ Air terjun Jemaluang, Stong Geopark, Kelantan



▲ Jelapang padi, Jerai Geopark



▲ Bukit Chabang, Perlis Geopark

- Pada tahun 2007, Langkawi telah diisytihar sebagai geopark global pertama di Asia Tenggara dan di Asia Pasifik, di luar dari China.
- Langkawi UGGp menjadi penganjur pertama Regional Symposium on Asia Pacific Geoparks pada tahun 2007; perbincangan untuk mewujudkan Asia Pacific Geoparks Network (APGN) telah diadakan.
- Pada tahun 2008, Asia Pacific Geoparks Network (APGN) diperakui oleh Global Geoparks Network (GGN). Langkawi menjadi Penyelaras Pengasas APGN selama 10 tahun, sebelum peranan ini diserahkan kepada China pada tahun 2016.
- Di peringkat global, Langkawi Geopark berjaya menganjurkan 'The 4th International Conference on Global Geoparks' pada tahun 2010, dan menjadi pusat latihan serantau dengan menganjurkan Regional Course on UNESCO Global Geoparks sebagai acara tahunan sejak 2016.

NEGARA	GEOPARK GLOBAL	TAHUN PERWUJUDAN	LUAS KM <sup>2</sup>
Indonesia	Batur	2012	370
	Gumung Sewu	2015	1,802
	Rinjani-Lombok	2018	2,800
	Ciletuh - Palabuhanratu	2018	1,250
	Raja Ampet	2020	36,650
	Toba Caldera	2020	1,130
	Bolitong	2021	4,800
	Ijen	2023	4,723
	Maros Pangkep	2023	5,077
	Merangin Jambi	2023	4,832
Malaysia	Langkawi	2007	478
	Kinabalu	2023	4,750
Thailand	Satun	2018	2,597
	Khorat	2023	3,157
Philippine	Bohol Island	2023	8,808
Vietnam	Dong Van Karst Plateau	2010	2,356
	Non Nuoc Cao Bang	2018	3,000
	Dak Nong	2020	4,760

Senarai UNESCO Global Geopark di Asia Tenggara



# AKTIVITI PPG 2024

## Latihan/ Bengkel/ FGD/ Townhall/ Iktizal

Antarabangsa
  Kebangsaan
  Negeri
  Institut/ Universiti

Bil.	Hari	Bulan	Tajuk Aktiviti/Program	Penganjur	Tempat
01	13	Feb	Pelan Pembangunan dan Pengurusan Delta Sarawak Aspiring UNESCO Global Geopark (aUGGp)	Sarawak Delta UGGp	Wisma Bapa Malaysia, Kuching
02	16-20	Feb	Kerja Lapangan & Bengkel KPU Projek UKM-TR2022-02 dan FRGS/1/2023/ICT08/UKM/02/1	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), UKM	Langkawi, Kedah
03	22	Feb	Townhall Session: Aspiring Sarawak Delta UNESCO Global Geopark 'Borneo's Cradle of Origin'	Sarawak Delta Geopark	Kuching, Sarawak
04	1	Mac	Pra-Iktizal Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) 2024	LESTARI	Putrajaya
05	18-22	Mac	Mesyuarat dan Bengkel Pelan Pengurusan Sarawak Delta Geopark	Jabatan Perhutanan Sarawak & GGCS	Kuching
06	15	Apr	Capacity Building on Geosite Mapping	Inst. of Geology Malaysia (IGM)	Hotel Grand Kampar, Perak
07	18-22	Apr	Mesyuarat, Bengkel Penulisan & Kerja Lapangan Delta Sarawak Geopark Management Plan 2025-2029	Jabatan Perhutanan Sarawak & GGCS	Kuching
08	26-29	Apr	7th Regional Course on UNESCO Global Geopark: Geopark Management & Community Involvement	Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)	Langkawi UGGp
09	24-26	Jul	FGD Sarawak Delta aUGGp	GGCS-Sarawak Delta aUGGp	Kuching, Sarawak
10	26-28	Jul	Iktizal LESTARI	LESTARI	Corus Paradise Resort, Port Dickson
12	17	Ogo	Sembang Santai Geopark: Kg. Pongsun, Gombak-Hulu Langat Geopark	AJ Rimba Collective & JMG	GHL Geopark
13	24-25	Ogo	Libat Urus (Townhall) bersama Komuniti Parit Sulong	GGCS-JMG Johor	Parit Sulong, Johor
14	18-20	Sep	VR Training Study: Potential for Education	FKAB UKM	FKAB UKM
15	26-27	Okt	Sesi Libat Urus bersama Komuniti Parit Sulong	GGCS-JMG Johor	Parit Sulong, Johor



# AKTIVITI PPG 2024

## Latihan/ Bengkel/ FGD/ Townhall/ Iktizal

Antarabangsa
  Kebangsaan
  Negeri
  Institut/ Universiti

Bil.	Hari	Bulan	Tajuk Aktiviti/Program	Penganjur	Tempat
17	8	Nov	Bengkel Kajian Aplikasi Biotapak Tasik Raban untuk Pemerksaan Komuniti Setempat ke arah Lenggong aUGGp	UPM	Bangi Resort Hotel
18	9-10	Nov	Bengkel Pembangunan Dossier Lenggong aUGGp	GGCS-Lenggong Gp	Lenggong
19	8-9	Dis	Focus Group Discussion Projek Kajian Inventori Gua-Gua Merapoh	PTNP	Kuantan
20	11	Dis	Sesi Dialog Pasca Persidangan Parti-Parti ke-16 kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD COP 16)	NRES	Four Points by Sheraton, KL
21	19	Dis	Bengkel KPU Pemeliharaan & Penggunaan Lestari Kepelbagaian Biologi	ALAF-UKM	Bangi Resort Hotel
22	21-22	Dis	Perbincangan Pakar Penyelidikan PPG-GGCS di Glenmarie Hotel and Golf Resort	GGCS	Shah Alam





# AKTIVITI PPG 2024

## Majlis/ Program/ Wacana/ Dialog/ Syarahan

Antarabangsa
  Kebangsaan
  Negeri
  Institut/ Universiti

Bil.	Har i	Bula n	Tajuk Aktiviti/Program	Penganjur	Tempat
01	4-6	Jan	Perbincangan Perancangan Penyelidikan GGCS Sdn Bhd-PPG	GGCS Sdn. Bhd.	Amverton Cove Golf & Island Resort, Sgor
02	8	Jan	Wacana Astro Awani Limestone Karsts: Confluence of Commerce and Conservation'	Astro Awani Saluran 501	Studio Astro Awani
03	16	Jan	Lawatan Tapak oleh Badan Pengurusan Cembak-Hulu Langat Geopark Bersama Komuniti GHLGp (Jungle School Gombak Malaysia)	Badan Pengurusan GHLGp	Cembak, Selangor
04	18	Jan	Majlis Pemasyhuran Lipis sebagai Geopark Kebangsaan Tree Top Walk, Taman Negara Sungai Relau	Majlis Daerah Lipis, Pahang	Lipis, Pahang
05	21	Jan	Ekspedisi Sainifik Kuala Sepetang, Perak	Fakulti Sains Sekitaran & Marin, UMT	Kuala Sepetang, Perak
06	26-28	Jan	Program Mobiliti The University Global Opportunity Programme (UniGO) - Univ. Tasmania (UTAS)-UKM	UniGO, LESTARI & UTAS	Kuala Selangor Nature Park, Putrajaya & UKM Bangi
07	26-29	Jan	Program UKM Bikers Bersama Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal (ALAF-UKM) di Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL-ALAF)	PPL-ALAF	PPL Langkawi
09	17	Feb	Perbincangan Perancangan Penyelidikan GGCS Sdn Bhd-PPG	GGCS Sdn. Bhd.	Putrajaya-Marriot Hotel
10	19-21	Feb	Program Perkasa Remaja 4 Community dan Jalinan Mesra Watan @Tuba - Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA),	PERKASA	Pulau Tuba, Langkawi, Kedah
11	25	Feb	Program Rakaman Video Koperasi Komuniti Kg. Kilim Langkawi Berhad (COOPKILIM) Pemuliharaan Bakau di Kilim Geoforest Park, Langkawi	COOPKILIM	Langkawi, Kedah



# AKTIVITI PPG 2024

## Majlis/ Program/ Wacana/ Dialog/ Syarahan

Antarabangsa 
  Kebangsaan 
  Negeri 
  Institut/ Universiti

Bil.	Hari	Bulan	Tajuk Aktiviti/Program	Penganjur	Tempat
12	9	Mac	Majlis Pemasyhuran Lenggong Geopark Sebagai Geopark Kebangsaan dan Perasmian Galeri Lenggong Geopark oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan	Majlis Daerah Lenggong	Dataran Kota Tampar, Lenggong, Perak
13	19	Mac	Penubuhan dan Pengiktirafan Kumpulan Penyelidikan Pemeliharaan dan Penggunaan Lestari Kepelbagaian Biologi	UKM	UKM
14	20	Mac	Majlis Pelancaran Pelan Pembangunan Langkawi UNESCO Global Geopark 2024-2028	LADA	Langkawi, Kedah
15	24	Apr	Program Gagasan Rumpun Selangor Peringkat Daerah Hulu Langat di UKM Bersama DYTMRaja Muda Selangor Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah	UKM	Pusat PERMATA Pintar Negara
16	29	Apr	The Launch of the Hasanah Report 2023 "Reinvent Our Future: Harapan Tanpa Sempadan"	Yayasan Hasanah	Kuala Lumpur
17	5	Mei	UIRC Roadshow Bil 01/24	UIRC	UMK Kampus Jeli
18	15-16	Jul	Roadshow UIRC ke UMS, Sabah	UIRC	UMS Sabah
19	11	Sep	Pameran Program Alamilah Makmal Alami ALAF-UKM	Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal (ALAF-UKM)	Akademia Siber Teknopolis (AST), UKM Bangi
20	24-26	Sep	Perbincangan Kumpulan Terfokus (FGD) Bersama Komuniti dan NGOs "Sedekad Lebih: Penelitian Semula Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO"	PPG, LESTARI	Melaka
21	7	Okt	International Geodiversity Day 'Focusing on: Conserving the Past - Sustaining the Future'	Tropical Science Foundation & ASM	Kuala Lumpur
22	8-10	Okt	Green Legacy Summit 2024: Global Unity for Climate Action	Johor State Government	Johor
23	17	Okt	Syarahan Profesor Emeritus Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo UNESCO Global Geoparks: Mimpi Menjadi Kenyataan	PPG, LESTARI	UKM
24	22	Okt	Geoheritage & Geopark Virtual Forum Geopark & School: Best Practices from Asia Pacific Geoparks	PPG UKM, PPL, IGM, KWGM	Zoom (Online)





# AKTIVITI PPG 2024

## Majlis/ Program/ Wacana/ Dialog/ Syarahan

Antarabangsa
  Kebangsaan
  Negeri
  Institut/ Universiti

Bil.	Hari	Bulan	Tajuk Aktiviti/Program	Penganjur	Tempat
25	30	Okt	UIRC Roadshow Bil 03/24	UIRC	UKM
26	11	Okt	Youth Climate Adaptation Forum: Overview of Climate Change in Malaysia	NRES & UNICEF Malaysia	Kuala Lumpur
27	14	Nov	Pemasyhuran Gombak-Hulu Langat Geopark	Tourism Selangor	Gombak-Hulu Langat Geopark
28	20	Nov	Geoheritage & Geopark Virtual Forum Safeguarding Nature, Empowering Communities: Building Sustainable Tourism via the Geopark Model	JK Pelaksana Geopark Kebangsaan, PPG UKM	Zoom (Online)
29	19	Dis	Perbincangan Bersama MOTAC dan Jabatan Warisan Melaka "Sedekad Lebih: Penelitian Semula Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO"	PPG, LESTARI	Melaka



Tapak Geowarisan Pantai Berbatu Teluk Pandan Sarawak Delta Aspiring UNESCO Global Geopark



# AKTIVITI PPG 2024

## Simposium/ Kolokium/ Seminar

Antarabangsa
  Kebangsaan
  Negeri
  Institut/ Universiti

Bil.	Hari	Bulan	Tajuk Aktiviti/Program	Penganjur	Tempat
01	29	Feb	Johor Planning Conference 2024 (Session 3): Expert Talk-Development Planning in Hilly and Highland Areas	Johor Planning Conference	DoubleTree by Hilton
02	6-8	Mac	Seminar Jaringan Lenggong Geopark 2024	Pejabat Daerah dan Tanah Gerik	Resort Tasik Raban
03	9-15	Sep	The 8th Asia Pacific Geoparks Network Symposium (APGN 2024)	GCN; Asia Pacific Geoparks Network (APGN); Vietnam Geoparks Network	Cao Bang UGGp, Vietnam
04	24-27	Sep	The 5th Regional Geoheritage Conference "How the Rocks Connect Us: Geoheritage for Sustainable Development"	Kementerian Energi dan Sumber Daya Mineral, Indonesia; JMG-Malaysia; Maros Pangkep UGGp	Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia
05	23	Sep	Pre-Kolokium Siswazah LESTARI 2024 - Pusat Penyelidikan Geotaman (PPG)	LESTARI-UKM & PPG	Atas talian
06	7-9	Okt	International Seminar on Aspiring Sarawak Delta UNESCO Global Geopark	Sarawak Delta Geopark; Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM)	Riverside Majestic Hotel, Kuching, Sarawak
07	16-17	Okt	2nd International Conference on Tropical Sciences (TropSc 2024): Harmonising Humanity with Nature	Tropical Science Foundation; Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS); Akademi Sains Malaysia (ASM)	The Waterfront Hotel, Kuching, Sarawak
08	23	Dis	Simposium UIRC 2024	UIRC	Glenmarie Hotel and Golf Resort



Sepasang ikan lumba-lumba *Sousa chinensis* di perairan Taman Georimba Kars Kilim, Langkawi UNESCO Global Geopark



# PASCASISWAZAH PPG 2024

■ Doktor Falsafah
 ■ Sarjana

Bil.	No. Pelajar	Warganegara	Program	Nama Pelajar	Penyelia Utama	Tajuk Tesis
01	P77474	Malaysia	Doktor Falsafah	Nor Hafizah Mohd Fizer	Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim	Kesejahteraan Hidup Warga Emas Temuan: Kajian Kes di Bandar dan Pinggir Bandar Selangor
02	P77509	Malaysia	Doktor Falsafah	Nurasyikin Ghazali	Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim	Orientasi Nilai dan Set Minda Ibu Bapa Orang Asli Terhadap Pendidikan Anak-Anak
03	P90613	Malaysia	Doktor Falsafah	Mazzueen Md Khalid	Prof. Madya Dr. Tanot Unjah	Pembangunan Kerangka Penilaian Interpretasi Warisan Tabii Geotapak di Kawasan Pemuliharaan Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGGp)
04	P103129	China	Doktor Falsafah	Feng Yue	Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim	Examining Sustainable Development of Cultural Heritage Tourism and Brand Building from the Perspective of Integration between Culture and Tourism in Xi'an, China
05	P105420	Malaysia	Sarjana Sains	Yahzam Muhamad	Prof. Madya Dr. Ahmad Aldrie Amir	Penilaian Prestasi dan Kecekapan Hanguaria malayana dan Lepironia articulata ke arah Kelestarian Sistem Tanah Lembap Buatan di Wetland Putrajaya
06	P107390	Malaysia	Doktor Falsafah	Asma' Jamal	Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim	Ecosystem Services and Disservices of Mangrove Forest in Peninsular Malaysia: Exploration towards Achieving Sustainability Agenda 2030
07	P109634	Malaysia	Doktor Falsafah	Chong Hwei Teeng	Ts. Dr. Lim Chen Kim	Mobile Virtual Reality Usability Model for Cultural Heritage Sustainability Development
08	P111461	Saudi Arabia	Doktor Falsafah	Shafi Mnahi S Alajmi	Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim	Impact & AMP: Effectiveness of Environmental Management Systems (EMS) on Oil and Gas Industry in Kingdom Saudi Arabia (KSA)
09	P112890	Malaysia	Sarjana Sains	Shariffah Aemee Dianna Syed Mohamed	Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim	Pengenalpastian Geoproduk Berasaskan Sumber Alam Tabii bagi Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Setempat Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGGp)
10	P114516	Kuwait	Doktor Falsafah	Fahad M H KH Alajmi	Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim	Sustainable Governance Framework of Cross-Border Oil and Gas Jointly Owned and Operated by Two National Oil Companies in the Arabian Gulf
11	P115954	Malaysia	Doktor Falsafah	Suhailah Shamsudin	Prof. Madya Dr. Ahmad Aldrie Amir	Hubungan antara Tingkah Laku Pro-Alam Sekitar, Green Self-Efficacy & Green Trust Terhadap Keinginan untuk Menyertai Inisiatif Pembersihan Sungai: Peranan Bank Masa sebagai Penyederhana
12	P116173	Malaysia	Sarjana Sains	Ellena John	Ts. Dr. Lim Chen Kim	Mobile Game Intervention for Beach Awareness and Sustainability among Preschoolers

# PASCASISWAZAH PPG 2024

■ Doktor Falsafah
 ■ Sarjana

Bil.	No. Pelajar	Warganegara	Program	Nama Pelajar	Penyelia Utama	Tajuk Tesis
13	P118292	China	Doktor Falsafah	Xiong Lyuxin	Prof. Madya Dr. Tanot Unjah	Biomimicry of Cultural Landscape to Enhance Sustainability of Lushan UNESCO Global Geopark
14	P120119	China	Doktor Falsafah	Yan Zi	Ts. Dr. Lim Chen Kim	Shu Brocade Waving Techniques Dissemination Strategies of Intangible Cultural Heritage for Digital Community in Chengdu
15	P120825	Palestin	Doktor Falsafah	Mohammed Amro	Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim	Achieving Climate Justice through Adapting the Twin Town Relationship as an International Cooperation Modality to Improve the Resilience of Palestine's Water Sector
16	P120831	China	Sarjana Sains	Xu Zihan	Ts. Dr. Lim Chen Kim	Historical and Cultural Analysis of the Ming-Qing Buzi: A Symbol of Imperial Authority and Social Status
17	P121018	China	Doktor Falsafah	Hao Xiaoying	Ts. Dr. Lim Chen Kim	Development of Conservation Model for Large-Scale Archaeological Sites in Shanxi Province
18	P121729	China	Doktor Falsafah	Yang Jie	Ts. Dr. Lim Chen Kim	An Evaluation of Intangible Cultural Heritage Creative Design in Taiyuan for Sustainable Cultural Tourism by Leveraging Digital Sustainability
19	P126805	Malaysia	Doktor Falsafah	TPR Suzlyna Abdul Latib	Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim	Perancangan Reka Bentuk dan Susun Atur Projek Perumahan Rakyat (PPR) Negeri Selangor ke arah Kesajahteraan Psikologi Komuniti
20	P127127	China	Doktor Falsafah	Wang Zihao	Ts. Dr. Lim Chen Kim	Designing an Interactive Education Platform for the Digital Preservation of Intangible Cultural Heritage of Yangjiabu New Year Paintings, China
21	P134170	China	Doktor Falsafah	Li Xiang	Prof. Madya Dr. Tanot Unjah	Sustainable Conservation and Utilization of Religious Property: A Case Study of Longmen Grottoes
22	P131475	Malaysia	Doktor Falsafah	Erni Nerina Awang Salleh	Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim	Towards Sustaining Community Culture on Environmental Sustainability through Circular Economy-Recycle in Langkawi
23	P145195	Indonesia	Doktor Falsafah	Mohamad Farid Zaini	Prof. Dr. Norhayati Ahmad	Geopark Management in Indonesia: Sustaining Local Community Livelihoods
24	P151883	Pakistan	Doktor Falsafah	Fazal Maqsood	Dr. Mir Sujaul Islam	An Integrated Framework for Sustainable Green Campus Development



# PENGIKTIRAFAN, LANTIKAN & ANUGERAH



**Rakan Geopark - Langkawi  
UNESCO Global Geopark -  
Lembaga Pembangunan  
Langkawi (LADA)**



**Individu Paling Banyak  
Menyumbangkan Data ke  
Malaysia Biodiversity  
Information System (MyBIS)  
- Kementerian Sumber Asli  
dan Kelestarian Alam  
(Prof. Dr Norhayati Ahmad)**



**Duta Geopark - Langkawi  
UNESCO Global Geopark  
Lembaga Pembangunan  
Langkawi (LADA)  
(Prof. Dr. Norhayati  
Ahmad)**



**Penasihat Sarawak  
Delta Geopark  
(Prof.Madya Dr. Tanot  
Unjah)**



**Pelantikan sebagai Penasihat  
Langkawi UGGp bagi tempoh 1  
April 2024 sehingga 31 Disember  
2027 (Prof. Emeritus Dato' Dr.  
Ibrahim Komoo)**



**Sijil Pengiktirafan dari  
Lembaga Eksekutif Jaringan  
Geopark Global (Global  
Geoparks Network, GGN)  
kepada Prof. Emeritus Dato' Dr.  
Ibrahim Komoo sebagai  
penghargaan sumbangan  
besar beliau kepada  
penubuhan dan pembangunan  
CGN**



**Pelantikan  
Keanggotaan  
Jawatankuasa Kerja  
Langkawi UGGp untuk  
tempoh 2024-2027  
(Prof. Dr Norhayati  
Ahmad)**


# PENGIKTIRAFAN, LANTIKAN & ANUGERAH



**Pelantikan sebagai Penasihat Kehormat** Pertubuhan Wawasan Pelancongan Kreativiti Kebudayaan Malaysia (Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo)



**Lantikan sebagai Pensyarah GIG Akademik di LESTARI, UKM** berkuatkuasa 19 Sept 2024 (Prof. Dr Nishikawa Kanto) dari Kyoto Universiti



**Pelantikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemuliharaan dan Saintifik Langkawi UGGp** bagi tempoh 2024 sehingga 2027 (Prof. Dr. Norhayati Ahmad)

# KUMPULAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI (KPU)



**Governans untuk Pemuliharaan Warisan (GAMAT)**  
Ketua: Prof. Madya Dr. Sharina Abdul Halim



**Pembangunan Geopark & Geopelancongan**  
Ketua: Prof. Dr. Norhayati Ahmad





## PUSAT PENYELIDIKAN GEOTAMAN

“ Sains Kelestarian untuk  
Pembangunan Geopark

Diterbitkan oleh:  
Penerbit LESTARI  
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA

Pusat Penyelidikan Geotaman (PPG)  
☎ (+603) 8921 3042 (Pn. Wan Daraputri Razali)  
🌐 [www.ukm.my/ppg](http://www.ukm.my/ppg)



Buletin ini diterbitkan sebanyakdua kali setahun